

SOALAN-SOALAN LISAN
MESYUARAT KELIMA TAHUN PERTAMA
DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS
PERAK DARUL RIDZUAN

PADA 4 DISEMBER 2023 (ISNIN)

1. YB ENCIK ZAFARULAZHAN BIN ZAN (KAMPONG GAJAH)

Bilakah kerja-kerja naiktaraf capaian 5G dijalankan di Kampong Gajah, terutamanya di kawasan luar bandar?

2. YB PUAN KOO HAII YEN (KERANJI)

Banjir di SJKC Thung Hon, Chenderong.

- a) Apakah usaha kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah banjir di Kampung baru Chenderong dan SJKC Thung Hon, Chenderong?
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk membantu menyelenggara kerosakan di SJKC Thung Hon akibat banjir?

3. YB PUAN WASANTHEE A/P SINNASAMY (HUTAN MELINTANG)

KEBAJIKAN KANAK-KANAK

Berapakah kes penganiayaan/pengabaian kanak-kanak yang berlaku di Perak untuk 3 tahun ini? Adakah Kerajaan Negeri menyediakan sebarang insentif untuk menggalakkan penubuhan pusat jagaan kanak-kanak taska dan tadika di kilang, jabatan dan premis membeli belah. Setakat manakah premis-premis yang beroperasi sekarang untuk tujuan itu diberi kelulusan dan dibuat pemulihian?

4. YB TUAN SYED LUKMAN HAKIM BIN SYED MOHD ZIN (CHENDEROH)

Kerajaan Persekutuan telah menasarkan untuk menontohkan kemiskinan di Malaysia menjelang 2024. Apakah peranan yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri Perak bagi menyokong usaha ini?

5. YB DATO' SHAHRUL ZAMAN BIN YAHYA (RUNGKUP)

Tahun Melawat Perak 2024 - Daerah Bagan Datuk merupakan salah satu Daerah dalam negeri Perak yang berpotensi menjadi destinasi pelancongan. Antara aset pelancongan serta warisan yang boleh dijadikan tarikan pengunjung, Beting Beras Basah, Pulau Sembilan (Blue Tears / Blue Sands), Skymirror di Bagan Sungai Burong, Rekreasi Pulau Sembilan, Skymirror dan Bagan Datuk Waterfront. Seajar dengan perancangan Negeri Perak – Tahun Melawat Perak 2024 yang akan bermula dalam tempoh terdekat ini, hanya beberapa bulan lagi.

- a) Apakah destinasi-destinasi pelancongan di Bagan Datuk yang termasuk di dalam 'Tourism Trail' Tahun Melawat Perak 2024?

- b) Bagaimanakah tahap kesediaan Kerajaan Negeri dalam mempersiapkan lokasi-lokasi tarikan pelancong dari aspek pembangunan fizikal dan pengenalan promosi di media cetak maupun media elektronik/sosial?
- c) Inap Desa (ekopelancongan) dan tanaman kelapa (agropelancongan), bagaimanakah dan apakah kerajaan negeri mempunyai satu blueprint khusus di dalam dua aspek pelancongan ini untuk di selaraskan dan menjadi punca ekonomi utama setempat kerana kedua dua kategori ini sangat rapat dengan pembangunan ekonomi rakyat?

6. **YB ENCIK MOHD AKMAL BIN KAMARUDIN (SELAMA)**

Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengeluarkan surat bahawa Klinik Kesihatan (KK) Sungai Bayor tidak selamat untuk beroperasi selain lokasinya yang berada bersebelahan dengan sungai dan ban yang berisiko untuk banjir dan menjadi tempat tumpuan masyarakat kampung majoriti kurang berkemampuan.

- a) Apa status terkini pembinaan baharu KK Sungai Bayor?
- b) Adakah pembinaan baharu KK Sungai Bayor telah dimasukkan dalam Rancangan Pembangunan (RP) Rancangan Malaysia yang terkini?

7. **YB ENCIK RAHIM BIN ISMAIL (CHANGKAT JERING)**

Apakah ada rancangan Kerajaan Negeri untuk menangani masalah kos sara hidup yang meningkat terutama kos perumahan bagi membantu pemilik bagi memiliki rumah pertama?

8. **YB ENCIK CHEAH POU HIAN (JELAPANG)**

Menteri Besar mendedahkan cadangan lapangan terbang baharu Perak sedang menunggu kelulusan daripada Kementerian Pengangkutan serta Kementerian Kewangan. Namun isu dana pembiayaan perlu dipertimbangkan sedangkan projek besar ini memerlukan sokongan kewangan yang setimpal besar. Dalam ketiadaan penerbangan terus ke Ipoh pada masa ini, pengangkutan terpantas dari KLIA ke Ipoh akan mengambil masa sekurang-kurangnya 2 jam 30 minit, iaitu melalui ETS. Akan tetapi, masa perjalanan ini belum lagi mengambil kira masa pemindahan dari KLIA ke Stesen Sentul Kuala Lumpur, jadi persoalan saya ialah:

- a) Sebelum lapangan terbang baharu dibina, adakah kerajaan negeri mempunyai alternatif untuk memendekkan masa perjalanan dari Kuala Lumpur ke Ipoh?
- b) Adakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk membina keretapi berkelajuan tinggi untuk menjimatkan masa dari Kuala Lumpur ke Ipoh. Dengan ini, lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara?

9. YB DR ABDUL AZIZ BIN BARI (TEBING TINGGI)

Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK)

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaikkan kadar elauan Pengerusi JPKK sekurang kurang ke paras gaji minima?
- b) Mengapa keputusan untuk JPKK melantik AJK bagi setiap kampung lewat untuk dilaksanakan selepas lebih enam bulan kerajaan baru di bentuk? Ini menjasakan keberkesanan fungsi dan persepsi JPKK di bawah kerajaan baru.
- c) Kerajaan perlu memutuskan samada Dewan Dewan Komuniti yang ada wajar di kawalselia oleh pihak JPKK atau Pejabat Penghulu atau PBT? dan menyediakan inventory peralatan yang seragam bagi setiap dewan komuniti.

10. YB PUAN BAVANI A/P VERAIAH (MALIM NAWAR)

BANTUAN BENCANA

- a. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meningkatkan jumlah bantuan bencana yang dibayar oleh Pejabat Daerah dan Tanah?
- b. Nyatakan statistik bencana yang direkodkan mengikut DUN bagi tahun 2022-2023

11. YB ENCIK ONG SENG GUAN (POKOK ASSAM)

Kempen kitar semula telah hampir tiga dekad dicanang di negara kita, namun sambutan Masyarakat terhadap inisiatif itu masih rendah.

- a) Apakah usaha kerajaan negeri untuk membantu dalam usaha memastikan 40 peratus sisa buangan dapat digunakan semula pada tahun 2025?
- b) Apakah usaha Kerajaan negeri untuk menjana lebih banyak pendapatan melalui sumber kitar semula yang merupakan satu industri bernilai tinggi?
- c) Apakah sokongan dan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan negeri kepada masyarakat tempatan atau NGO yang ingin memulakan program kitar semula?

12. YB ENCIK AZMAN BIN NOH (PENGKALAN BAHARU)

Mengenai Tahun Melawat Perak 2024.

Didapati program dan kalender pelancongan sempena Tahun Melawat Perak 2024 tidak menyenaraikan Pekan Beruas dan kawasan sekitarnya sebagai salah satu destinasi pelancongan, walhal Beruas mempunyai keunikannya tersendiri sebagai sebuah empayar tersohor Gangga Negara pada masa silam.

Soalan saya:-

- a) Apakah masih ada ruang dan peluang untuk Pekan Beruas dan kawasan sekitarnya disenaraikan sebagai salah satu destinasi pelancongan sempena Tahun Melawat Perak 2024?
- b) Jika (a) tidak dapat dipersetujukan, apakah program dan usaha untuk mempromosikan Beruas supaya tidak tercicir dari segi pelancongan?

13. YB ENCIK ONG BOON PIOW (BERCHAM)

Berkenaan dengan EV, dan kenderaan enjin Hidrogen.

- i. Adakah pihak kerajaan negeri atau tempatan akan mengantikan kenderaan rasmi enjin bahan api dengan EV atau kenderaan enjin Hidrogen?
- ii. Sila nyatakan bilangan pengecas EV dan stesen Hidrogen yang sedia ada atau akan dibina?
- iii. Adakah pihak kerajaan negeri akan memberi subsidi pembelian kenderaan ini untuk wakil rakyat dan pengawai kerajaan, agar dapat menarik lebih banyak pengguna kenderaan sebegini yang lebih mesra alam?

14. YB TUAN HAJI RAZMAN BIN ZAKARIA (GUNONG SEMANGGOL)

Projek Perumahan Rakyat.

1. Apakah langkah kerajaan terhadap kumpulan B40 seperti kalangan asnaf yang telah mendapat kelulusan untuk mendapatkan rumah dan akhirnya ditarik balik kerana ketiadaan tanah untuk dibangunkan perumahan?
2. Berapakah kelulusan tanah untuk tujuan PPR mengikut Daerah?
3. Mohon pihak Kerajaan menyatakan statistik atau data projek sakit atau terbengkalai projek perumahan rakyat di negeri Perak serta langkah mitigasi yang boleh dilakukan untuk membendung isu ini?

15. YB ENCIK CHOONG SHIN HENG (CHENDERIANG)

Kerajaan Negeri Perak telah mempertingkatkan inisiatif perkhidmatan awam melalui perkhidmatan Bas Perak Sejahtera. Sejumlah RM2.1 juta telah diluluskan melalui Belanjawan 2023 bagi memastikan rakyat di kawasan DUN Chenderiang menerima manfaat daripada inisiatif yang diperkenalkan ini pada tahun 2023. Selaras dengan pelaksanaan program ini, Daerah Batang Padang masih belum dapat manfaat perkhidmatan tersebut dan kini sudah sampai hujung tahun 2023. Bilakah perkhidmatan Bas Perak Sejahtera akan dilaksanakan di Kawasan DUN Chenderiang dengan mengambil kira keperluan bagi perkhidmatan ini terutamanya daripada kalangan warga emas, golongan B40 dan pelajar-pelajar sekolah?

16. YB DATO' ABDUL YUNUS BIN JAMAHRI (KUALA KURAU)

Apakah Jabatan Perikanan mempunyai bidang kuasa untuk mengambil tindakan merampas bubu naga yang diharamkan jika disimpan atau disorok di dalam bot atau jeti-jeti nelayan khususnya di Kuala Kurau dan Tanjung Piandang?

17. YB KAPT(B)DATO' MOHD NAJMUDDIN BIN ELIAS (BATU KURAU)

Baru-baru ini berlaku tanah runtuh di Jalan Dusun Telaga Tujuh Kg Repoh yang mengakibatkan paip bekalan air rosak teruk. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam membantu memulihkan semula keadaan ini?